

**PENDEKATAN BEHAVIORAL INSIGHTS DALAM MENINGKATKAN PEMATUHAN
PEMBAYARAN KOMPAUN DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN
SUNGAI PETANI, KEDAH**

Noorfajri Ismail¹
Normaliza Ab Malik²
Rezki Perdani Sawai³
Muhammad Fahmi Kamaluddin⁴

¹Fakulti Syariah & Undang-Undang (USIM), (E-mail: noorfajri@usim.edu.my)

²Fakulti Pergigian (USIM), (Email: liza_amalik@usim.edu.my)

³Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (USIM), (E-mail: rezki@usim.edu.my)

⁴Fakulti Syariah & Undang-Undang (USIM), (E-mail: fahmimika98@gmail.com)

ABSTRAK

Artikel ini menganalisa kaedah *Behavioral Insights (BI)* dalam meningkatkan pematuhan pembayaran kompaun. BI merupakan sebuah pendekatan induktif dalam pembuatan sesuatu dasar yang menggabungkan elemen psikologi, sains kognitif dan sains sosial dengan hasil yang diuji secara empirikal untuk mengetahui tingkah laku manusia sebenarnya dalam membuat pilihan. Kaedah BI merupakan usaha penggubalan dasar awam untuk memahami tingkah laku manusia dalam merangka intervensi dasar. Langkah mengintegrasikan BI dalam proses pembuatan dasar dilihat sebagai sesuatu yang perlu diterapkan dalam pelaksanaan polisi kerajaan bagi membolehkan pembuat dasar dan pengawal selia menjangkakan impak tingkah laku polisi lantas mewujudkan peraturan dan undang-undang yang lebih berkesan serta berkualiti. Pihak Berkuasa Tempatan khususnya Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah (MPSP) berdepan cabaran dalam menguatkuasakan pembayaran kompaun di dalam kawasan pentadbirannya. Pelaksanaan kaedah BI di Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) dilihat sebagai sesuatu yang baru dan berupaya untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang dialami oleh kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia terutamanya berkaitan pematuhan pembayaran kompaun di kalangan orang awam.

Kata kunci: Behavioural Insights, dasar awam, intervensi dasar, tingkah laku dan kompaun.

ABSTRACT

This article analyzes the method of Behavioral Insights (BI) to enhance the compliance in compound payment. As an inductive approach in policy making, BI combines elements of psychology, cognitive science and social science with empirically tested results to find out how humans actually make choices. The BI method is an attempt to approach public policy-making by understanding human behavior in formulating policy interventions. The move to integrate Behavioral Insights into policy making is seen as something that needs to be implemented in the government policy to enable policy makers and regulators to anticipate the impact of policy behavior thus creating more effective and quality rules and regulations while improving public well-being. Local authority especially Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) facing challenges in the enforcement of the compound payment. The implementation of BI method in the context of Local Authorities (PBT) in Kedah Darul Aman, especially in Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) is seen as something new and be able to solve issues and problems experienced by most of Local Authorities (PBT) in Malaysia particularly in relation to compound payment by the community.

Keywords: Behavioural Insights, public policy, policy interventions, behavior and compound.

1.0 PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengaplikasikan sistem kerajaan berbentuk federalisme yang mengandungi tiga peringkat pentadbiran iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan (Hamzah Jusoh, 2009). Setiap peringkat pentadbiran mempunyai fungsi dan bidang kuasa tersendiri mengikut peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai tamsilan, fungsi dan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah tertakluk di bawah Senarai Persekutuan yang merangkumi Hal Ehwal Negeri, Pertahanan, Keselamatan Dalam Negara, Kebajikan Orang Asli, Pendidikan, Perdagangan dan Perusahaan serta banyak lagi. Manakala, fungsi dan bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan adalah tertakluk di bawah Senarai Negeri yang meliputi Hal Ehwal Agama Islam, Tanah, Kerajaan Tempatan, Perkhidmatan Kerajaan Tempatan, Pertanian dan Perhutanan, Kerja-Kerja Negeri dan Bekalan Air serta banyak lagi. Namun, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri turut mempunyai fungsi dan bidang kuasa seperti yang termaktub di bawah Senarai Bersama, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan hal-hal seperti Kesejahteraan Masyarakat, Kesihatan Awam, Kebersihan dan Pencegahan Penyakit, Perancangan Bandar dan Luar Bandar serta lain-lain perkara. Dalam konteks Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), ia merupakan satu badan yang bertanggungjawab dalam mentadbir urusan sesebuah daerah atau kawasan yang terdapat di bawah pentadbirannya. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah satu badan yang ditubuhkan selaras dengan peruntukan undang-undang dan aktivitiinya adalah terhad kepada kuasa dan tugas yang diperuntukan dalam undang-undang tersebut sahaja. Tugas utama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah untuk memastikan kesejahteraan dan kelestarian masyarakat dengan menjalankan tugas merancang, melaksana, mengawal perancangan dengan baik dan memberi perkhidmatan dengan tulus dan adil. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab untuk memberi khidmat dan memenuhi keperluan awam kerana itu merupakan tugas utama mereka terhadap masyarakat di bawah Kawasan pentadbiran mereka yang menjadi pembayar cukai. Meskipun begitu, dalam usaha untuk memenuhi keperluan-keperluan tersebut, terdapat beberapa halangan dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan membantutkan mereka daripada menyediakan atau memberikan perkhidmatan yang lebih baik terhadap masyarakat.

Behavioral Insights merupakan sebuah pendekatan induktif dalam pembuatan sesuatu dasar yang menggabungkan elemen psikologi, sains kognitif dan sains sosial dengan hasil yang diuji secara empirikal untuk mengetahui cara manusia sebenarnya membuat pilihan. Kaedah Behavioral Insights merupakan usaha untuk membolehkan penggubalan dasar awam dengan memahami tingkah laku manusia dalam merangka intervensi dasar. Langkah mengintegrasikan Behavioral Insights ke dalam pembuatan dasar dilihat sebagai sesuatu yang perlu diterapkan dalam pelaksanaan polisi kerajaan bagi membolehkan pembuat dasar dan pengawal selia menjangkakan impak tingkah laku polisi lantas mewujudkan peraturan dan undang-undang yang lebih berkesan serta berkualiti. Pada masa sama meningkatkan kesejahteraan awam. Gesaan bagi menerapkan Behavioral Insights dalam pelaksanaan polisi kerajaan telah bertitik tolak daripada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) melalui arahan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali. Bagi menjamin keberkesanan penerapan Behavioural Insights dalam pelaksanaan polisi kerajaan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merupakan entiti yang bertanggungjawab dalam mengetengahkan kaedah Behavioral Insights di kalangan penjawat awam.

2.0 ASAS PERUNDANGAN KERAJAAN TEMPATAN

Asas perundangan bagi Kerajaan Tempatan telah diperuntukkan di dalam Butiran 4 Senarai 11 Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan sebagai perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri yang mempunyai hak eksklusif terhadap Kerajaan Tempatan. Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan pula berfungsi sebagai badan yang menggubal dasar-dasar negara dalam Kerajaan Tempatan. Terdapat beberapa akta-akta induk yang terguna pakai di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta

Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Selain itu, terdapat juga undang-undang kecil seperti Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, dan Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) yang terdapat di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Dalam konteks Majlis Perbandaran Sungai Petani yang merupakan salah satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terdapat di negeri Kedah, terdapat banyak undang-undang kecil, perintah, kaedah serta enakmen yang diguna pakai bagi menjamin kepatuhan masyarakat terhadap undang-undang serta melancarkan pengurusan Majlis Perbandaran Sungai Petani. Rajah 1 menunjukkan Undang-Undang Kecil (UUK) yang diguna pakai oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani:

UUK Mencegah Kekotoran 1979	UUK Larangan Merokok Dalam Panggung 1980	UUK (Taman) PBT Negeri Kedah 1983
UUK Bangunan Seragam 1984 dan pindaan-pindaan	UUK Bangunan (Bayaran-Bayaran) 1989	UUK Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) 1990 (MDKM)
UUK Rumah Urut (MDKM) 1991	UUK Pelesenan Establisymen Makanan (MPSP) 1995	UUK Pasar (MPSP) 1995
UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian 1995	UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 1995	UUK Vandalisme (PBT Negeri Kedah) 2018
UUK Mengkompaun Kesalahan (MPSP) 1995 (Akta 171)	UUK Mengkompaun Kesalahan (MPSP) 1995 (Akta 133)	UUK Pelesenan Anjing (MPSP) 1995
UUK Hotel (MPSP) 2009	UUK Pelesenan Penjaja dan Gerai (MPSP) 2009	UUK Haiwan Merayau (MPSP) 2009
UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPSP) (Pindaan) 2010	UUK Iklan (MPSP) 2010	UUK Kerja Tanah (PBT Negeri Kedah) 2016
UUK Bangunan Seragam (Pindaan) 2019	UUK Pasar Borong (PBT Negeri Kedah) 2019	UUK Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (PBT Negeri Kedah) 2019

Rajah 1

Rajah 2 menunjukkan Enakmen, Perintah, Kaedah dan Peraturan yang digunakan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani:

Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1997	Perintah (Tempat-Tempat Letak Kereta) Kereta-Kereta Berjentera 1989	Kaedah-Kaedah Pegawai MPSP (Kelakuan & Tata tertib) 1995
Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1995	Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Bermeter (MPSP) 1995	Perintah Kenderaan-Kenderaan Berat (Sekatan Penggunaan Jalan) (MPSP) 1996
Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) (MPSP) 2007	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Kedah 2015	Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan Negeri Kedah (Pindaan) 2017

Rajah 2

3.0 FUNGSI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti yang termaktub di dalam Seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 131) bererti mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, mengikut mana-mana berkenaan, dan berhubungan dengan Wilayah Persekutuan ertinya Datuk

Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta 190]. Ringkasnya, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah satu badan yang diwujudkan melalui peruntukan undang-undang dan aktiviti adalah terhad kepada kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diperuntukkan di dalam undang-undang tersebut sahaja (Mastura, 2011). Jika Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertindak tanpa menuruti peruntukan undang-undang, maka tindakan tersebut adalah bersifat ultra vires dan mahkamah boleh menghalangnya (Wan Arfah, 2009). Ini merupakan prinsip asas yang menentukan fungsi dan bidang kuasa Kerajaan Tempatan.

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah menggariskan berbagai aktiviti yang dapat dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara aktiviti yang dimaksudkan termasuklah fungsi-fungsi mandatori dan juga fungsi-fungsi yang berasaskan budi bicara sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Meskipun begitu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menjalankan fungsi-fungsi tambahan dengan mewujudkan undang-undang kecil, kaedah, enakmen atau peraturan yang mengetengahkan fungsi-fungsi tambahan tersebut. Secara asasnya, terdapat empat jenis fungsi yang lazim dijalankan oleh sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu perlindungan, awam, individu dan perdagangan.

Rajah 4 menunjukkan perincian berkenaan setiap fungsi yang lazim dijalankan di sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

Fungsi	Perincian
Perlindungan	Kawalan berkenaan keselamatan dan kesihatan awam. Perkara ini termasuklah perlindungan terhadap individu daripada berbagai risiko bahaya yang boleh dikaitkan dengan kesihatan awam, harta benda atau perkhidmatan pembersihan.
Awam (Communal)	Fungsi yang memberi faedah kepada semua. Perkara ini meliputi aspek alam sekitar melalui usaha mewujudkan keadaan ekologi yang seimbang seperti perancangan guna tanah yang optimum, menyediakan keadaan landskap yang baik serta kawasan rekreasi agar masyarakat dapat bersosial dan beriadah dengan aktif.
Individu	Fungsi yang melibatkan pemberian perkhidmatan bantuan secara terus kepada orang perseorangan seperti aktiviti kebajikan.
Perdagangan	Melibatkan aktiviti yang mendatangkan hasil kepada penguasa tempatan dan memesatkan ekonomi setempat.

Rajah 4

4.0 KOMPAUN MENURUT UNDANG-UNDANG

Seksyen 102, Bahagian XIII Undang-Undang Kecil, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) memperuntukkan berkenaan selain daripada kuasa untuk membuat undang-undang kecil (UUK) yang diberi dengan nyata atau secara tersirat kepada pihak berkuasa tempatan oleh mana-mana peruntukan lain Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa membuat, meminda dan membatalkan undang-undang kecil (UUK) mengenai segala perkara yang perlu atau diingini untuk memelihara kesihatan, keselamatan dan kesentosaan penduduk atau untuk mengadakan aturan dan pengelolaan yang baik bagi kawasan pihak berkuasa tempatan dan khususnya mengenai segala atau mana-mana daripada maksud yang berikut termasuklah memperuntukkan kesalahan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan di bawah mana-

mana undang-undang kecil (UUK) yang boleh dikompaun oleh pihak berkuasa tempatan, orang yang boleh mengkompaun, had jumlah wang yang hendak dipungut oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengkompaun kesalahan itu dan acara dan borang yang hendak diikut bagi mengkompaun kesalahan itu. Bagi menjelaskan peruntukan Seksyen 102 yang terdapat di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) berkenaan kebolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mengkompaun, Seksyen 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) turut menjelaskan bahawa sesuatu undang-undang kecil (UUK), kaedah atau peraturan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan bayaran dan caj bagi apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki atau dibenar supaya dilakukan di bawahnya. Menurut Shashabilla (2022), penguatkuasa mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan berhak mengkompaun orang awam yang melakukan kesalahan seperti yang termaktub di dalam akta-akta induk yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau mana-mana undang-undang kecil (UUK), Kaedah, Peraturan atau Enakmen yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tersebut dengan syarat tindakan mengkompaun oleh penguatkuasa berlandaskan undang-undang kecil (UUK), Kaedah, Peraturan atau Enakmen tersebut adalah sejajar dengan peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam akta-akta induk yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Seksyen 133, Bahagian VII Undang-Undang Kecil Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) turut memperuntukkan perkara yang sama seperti mana yang digariskan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 131) di mana Seksyen 133 memberi laluan terhadap penguatkuasa mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengkompaun kesalahan yang terkandung di dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan di bawah mana-mana undang-undang yang dibuat di bawahnya yang boleh dikompaun oleh pihak berkuasa tempatan, orang yang boleh mengkompaun, had jumlah wang yang hendak dipungut oleh pihak berkuasa tempatan itu kerana mengkompaun kesalahan itu dan tatacara yang kena dipatuhi dan borang yang kena diisi apabila mengkompaun. Perbezaan yang dapat dilihat antara Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) adalah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) menggariskan asas prosedur-prosedur yang wajar dipatuhi oleh penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ketika mengeluarkan kompaun sedangkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) tidak memperincikan walaupun secara asas berkenaan prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi oleh penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ketika mengeluarkan kompaun.

Seksyen 120 (1)(c), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) yang memperuntukkan berkenaan kuasa untuk mengkompaun iaitu mana-mana pegawai berikut; Dato Bandar boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun. Dalam konteks Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK), kuasa mengkompaun diperuntukkan di bawah Perintah 6, Perintah Kenderaan-Kenderaan Berat (Sekatan Penggunaan Jalan) Majlis Perbandaran Sungai Petani, 1996 melalui Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) iaitu tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 120 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Perintah ini dengan kompaun tidak melebihi tiga ratus ringgit.

Rajah 5 menunjukkan kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh masyarakat berdasarkan peruntukan yang terdapat di dalam akta-akta induk dan undang-undang kecil (UUK) yang diguna pakai oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK).

No.	Akta Induk	Undang-Undang Kecil
1.	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian
2.	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	Pelesenan Establisymen Makanan
3.	Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)	Perintah Kenderaan-Kenderaan Berat (MPSP) 1996

4.	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	Penjaja (PBT Negeri Kedah) 1983
5.	Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)	Salah Guna Rumah Kediaman, Sisabinaan, Halangan
6.	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	Vandalisme (MPSP) 1995
7.	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	Iklan (MPSP) 2010
8.		Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon (MPSP) 2007
9.	Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)-Seksyen 70 (Penambahan atau Renovasi Bangunan Tanpa Kelulusan)	


Rajah 5

Menurut Rosnyta (2022), sebab-sebab yang mendorong penguatkuasa Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) untuk memberikan kompaun termasuklah tidak mempunyai lesen tred, perniagaan dan perindustrian, tidak mempunyai lesen penjaja, iklan pada kain rentang atau bunting tidak mempunyai lesen yang sah atau jumlah iklan yang tidak sama seperti yang dibenarkan pada lesen dan juga penyalahgunaan rumah kediaman yang dijadikan premis perniagaan. Bagi kompaun yang diberikan oleh penguatkuasa kepada pesalah lalulintas pula, menurut Mohd Yusof (2022), kesalahan yang sering dilakukan dan diulang termasuklah tidak mempamerkan kupon parkir pada bahagian hadapan kereta, tidak mempunyai kupon parkir yang sah serta penipuan dalam menggores tarikh dan waktu parkir yang terdapat dalam kupon parkir.

5.0 PROSEDUR MENGGOMPAUN DAN TINDAKAN SUSULAN BAGI GOLONGAN INKAR MEMBAYAR KOMPAUN

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, prosedur membawa maksud cara yang lazim untuk membuat sesuatu urusan, aturan atau cara bekerja dan melakukan sesuatu mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Menurut Wan Ahmad Fuad (2022), segala prosedur memberikan kompaun yang dilakukan oleh penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlulah mengikut Prosedur Penyeragaman Penguatkuasaan berdasarkan peruntukan undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di sesebuah negeri. Berdasarkan kes *Wan Senik bin Wan Omar melawan Majlis Perbandaran Selayang* [2016] MLJU 1594 yang merupakan kes semakan kehakiman bagi mendapatkan Perintah Certiorari untuk memindahkan ke dalam Mahkamah Yang Mulia bagi tujuan membatalkan keputusan Responden untuk meruntuhkan bangunan rumah Pemohon di No. 59, Jalan 6/17, Bandar Tasik Puteri, 48020 Rawang, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Negeri Selangor Sarul Ehsan dan juga bagi mendapatkan Suatu Perintah Mandamus untuk mengarahkan Responden menentukan permohonan Pemohon untuk membuat tambahan pada rumah Pemohon bertarikh 03.04.2016. Pemohon dalam kes ini adalah pemilik satu unit rumah jenis berkembar berkelompok (cluster) di mana empat buah rumah bersempadan antara satu sama lain.

Bagi memahami situasi yang terlibat dalam kes ini, Rajah 9 berikut adalah menunjukkan kedudukan rumah Pemohon dan jiran-jiran berdekatan,



Rajah 9

Pemohon merupakan pemilik rumah di petak B dan Pemohon telah melantik kontraktor untuk membuat kerja-kerja tambahan atau renovasi pada rumah Pemohon. Namun, kontraktor tersebut dan/atau Pemohon tidak mendapatkan kelulusan dari Responden untuk membuat renovasi tersebut. Akibat kegagalan tersebut, Pemohon telah dikenakan kompaun dan Pemohon telah membayar amaun kompaun sebanyak RM800. Amaun ini adalah amaun kompaun yang telah dikurangkan oleh Responden dari RM12,500. Pemohon juga telah mengadakan mesyuarat dengan wakil Responden pada 04.08.2015 dan 27.10.2015. Dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, Responden telah bersetuju untuk meluluskan permohonan Pemohon untuk membuat renovasi atau tambahan pada rumah Pemohon tertakluk kepada persetujuan jiran-jiran dari kelompok rumah Pemohon dan kelompok bersebelahan. Pemohon seterusnya telah mendapatkan persetujuan dari jiran di petak A, C, dan D. Jiran di petak E enggan memberi persetujuan. Pemohon mendakwa keengganan jiran petak E tersebut lebih berpunca kepada masalah peribadi yang tidak berkaitan dengan kes ini. Oleh itu, Wakil Responden mengenakan syarat persetujuan dari jiran-jiran sekitar, berikutan tindakan yang dibuat oleh jiran petak E yang tidak berpuas hati dengan kerja-kerja renovasi atau tambahan dan membuat aduan terhadap salah seorang pegawai Responden kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Jiran di petak E juga dikatakan mengugut jika Responden tidak merobohkan rumah tambahan Pemohon, beliau akan melaporkan perkara ini kepada pejabat Menteri Besar Selangor dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Rentetan itu, Responden telah mengeluarkan Notis bertarikh 11.03.2015 iaitu notis mengarahkan Pemohon untuk meruntuhkan dan mengosongkan bangunan tambahan di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Kemudian, pada 26.02.2016, Pemohon mendapati Responden telah meningkatkan jumlah bayaran taksiran yang perlu dibayar oleh Pemohon. Maka, Pemohon diberitahu bahawa peniaian baru telah dibuat ke atas rumah Pemohon dengan mengambil kira renovasi atau rumah tambahan yang dibuat. Setelah meningkatkan nilai taksiran, Responden masih tetap dengan keputusan untuk mengarahkan Pemohon mengosongkan dan merobohkan bangunan tambahan tersebut.

Keputusan yang dicabar dalam permohonan ini adalah pengeluaran notis di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) bertarikh 11.03.2015 oleh Responden yang mengarahkan Pemohon untuk mengosongkan dan merobohkan bangunan tambahan pada rumah Pemohon. Pemohon mencabar keputusan Responden dan membangkitkan perkara-perkara seperti berikut:

- 1) Sama ada apa-apa keputusan yang dibuat akan menarik perhatian pegawai atasan atau suruhanjaya pencegahan rasuah adalah satu faktor yang relevan dan tidak wajar diambil kira.
- 2) Keputusan Responden adalah pra matang di mana ia dibuat tanpa memutuskan permohonan

Pemohon untuk kelulusan pelan renovasi terlebih dahulu.

- 3) Keputusan Responden dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tidak relevan iaitu aduan dari pengadu yang tidak terjejas dari apa-apa segi dalam renovasi yang dilakukan oleh Pemohon.
- 4) Keputusan tersebut dibuat tanpa mengambil kira fakta bahawa jiran di Petak E langsung tidak terjejas dari apa-apa segi dalam renovasi yang dilakukan oleh Pemohon.
- 5) Responden mengenakan cukai bagi renovasi yang dibuat oleh Pemohon tetapi dalam masa yang sama Responden mahu merobohkan bahagian renovasi yang dibuat. Responden juga menaikkan jumlah cukai yang kena dibayar disebabkan renovasi tersebut.

Pemohon turut berhujah bahawa Responden telah mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang menawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut. Bayaran kompaun tersebut juga telah dibayar oleh Pemohon. Namun dalam masa yang sama, Responden mengeluarkan pula Notis di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) untuk merobohkan bahagian tambahan rumah Pemohon. Tambahan pula, Pemohon berhujah bahawa berlaku 'double jeopardy' ke atas Pemohon dan menghujahkan bahawa Notis Seksyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dikeluarkan secara salah kerana kesalahan yang sama telah pun dikompaunkan di bawah Notis Seksyen 70(11) akta yang sama. Fakta ini tidak dinafikan oleh Responden. Justeru, tindakan 'Double Jeopardy' ini melanggar hak asasi Pemohon di bawah Perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa seseorang tidak boleh dihukum 2 kali untuk kesalahan yang sama. Pemohon turut menghujahkan bahawa Pemohon juga dinafikan haknya di bawah Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa seseorang tidak boleh dilucutkan haknya kecuali mengikut undang-undang. Responden juga didapati tidak menjalankan kuasanya mengikut undang-undang kerana tidak mematuhi prosedur yang digariskan di bawah Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Selain itu, Pemohon mendakwa Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dengan jelas memperuntukkan prosedur yang perlu dipatuhi oleh Responden sekiranya Responden mahu meneruskan dengan merobohkan bangunan tambahan Pemohon. Prosedur tersebut adalah untuk mendapatkan Perintah dari Mahkamah Majistret terlebih dahulu. Dalam kes ini Responden gagal mendapatkan Perintah dari Mahkamah Majistret dan oleh yang demikian, Responden dikatakan telah gagal mematuhi prosedur di bawah Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Responden telah mengemukakan hujahan bahawa pada hakikatnya tidak terdapat isu 'double jeopardy' di dalam kes ini. Ini adalah kerana fakta yang terang dan nyata malahan diakui sendiri oleh Pemohon bahawa Pemohon telah gagal dan/atau tidak pernah mendapatkan kelulusan dari Responden dalam membuat pengubahsuaian terhadap rumah tersebut. Responden turut menegaskan bahawa Responden tidak melanggar Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang memperuntukkan seperti berikut:

"Any person who makes alteration to any building otherwise than is provided for in this Act or by-laws made thereunder or without the prior written permission of the local authority shall be liable on conviction to a fine not exceeding twenty-five thousand ringgit and a Magistrate's Court shall, on the application of the local authority issue a mandatory order to alter the building in any way or to demolish it".

Rentetan itu, Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) membolehkan responden membuat pendakwaan ke Mahkamah Majistret terhadap Pemohon tetapi dalam kes ini Responden tidak berbuat demikian tetapi menawarkan kompaun kepada Pemohon dan seterusnya amaun kompaun telah dikurangkan dari RM12,500 kepada RM800 sahaja. Atas kesalahan yang telah dilakukan tersebut, Responden seterusnya telah mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Seksyen 72(1) memperuntukkan seperti berikut:

"Where the local authority is satisfied that a building has been erected or is in the course of erection or is about to be erected in contravention of Section 70 or, if such building has been erected prior to the coming into force of this Act, in contravention of any law then in force relating to building and in respect

of which building approval under any law was not given subsequently, the local authority may by notice served on the owner of the land require him to do any or more of the following acts :-

- (a) to abstain from commencing or proceeding with the erection of such building;*
- (b) to demolish such building within such time as the local authority may specify; and*
- (c) to take steps as may be ordered by the local authority.*

Maka, tindakan Responden mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) bukanlah terjumlah kepada satu ‘double jeopardy’ kerana ia sememangnya kuasa yang diberikan di bawah undang-undang kepada Responden untuk berbuat demikian.

Dalam kes ini, mahkamah telah memutuskan bahawa pihak Pemohon telah gagal mendapatkan kelulusan dari Responden untuk membuat renovasi atau tambahan pada rumah Pemohon. Fakta ini tidak disangkal oleh Pemohon sama sekali. Oleh yang demikian, kesalahan ini mengakibatkan Pemohon dikenakan hukuman dalam bentuk kompaun. Namun, kesalahan telah dan tetap dilakukan oleh Pemohon dan Pemohon tidak boleh datang kepada Mahkamah untuk memperbetulkan kesalahan yang telah dilakukan dengan menyangkal tindakan serta tatacara Responden. Sehubungan dengan itu, Pemohon telah disifatkan pada dasarnya tidak datang dengan tangan yang bersih (not coming with clean hands) dan mahkamah bukanlah forum untuk memperbetulkan kesilapan yang telah dilakukan. Merujuk kes *Eastern Properties Sdn Bhd v Hamstead* [2007] 6 CLJ 538, Gopal Sri Ram JCA telah memutuskan bahawa;

“Applying the maxim of “He who comes to equity must come with clean hands” to the present case, it would be contrary to all principles of equity to allow the litigant here to succeed since it was guilty of a failure to abide by the promise it had made.”

Dalam memutuskan isu berkaitan ‘double jeopardy’ yang diujahkan oleh Pemohon, mahkamah berpendapat apabila kompaun telah dibayar kepada Responden, ini tidak bermakna Pemohon secara automatiknya diberi kelulusan untuk membina atau mengubahsuai rumahnya. Seksyen 70(11) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), pada dasarnya mengenakan hukuman kepada pihak yang gagal mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dari pihak berkuasa tempatan untuk membuat pengubahsuaian atau tambahan pada bangunan. Hukuman yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut ialah denda sehingga maksimum RM25,000 dan pihak berkuasa boleh memohon kepada Mahkamah Majistret untuk meminda atau merobohkan bangunan tersebut. Berkenaan notis di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) pula, ia adalah peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada Responden sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memberi suatu ‘amaran’ kepada Pemohon supaya mengosongkan dan meruntuhkan bangunan tambahan. Justeru, mahkamah memutuskan bahawa terdapat keperluan Responden untuk membuat permohonan ke Mahkamah Majistret bagi mendapatkan perintah merobohkan bangunan dan ia hanya timbul apabila Pemohon gagal untuk mengosongkan dan merobohkan sendiri bangunan seperti mana amaran yang dikeluarkan melalui Notis di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) tersebut. Oleh yang demikian, tatacara dan undang-undang dalam Seksyen 70(11) dan Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) tidak menimbulkan langsung isu ‘double jeopardy’ seperti yang diujahkan oleh Pemohon.


Berkenaan undang-undang berkaitan semakan kehakiman yang dibuat oleh Pemohon terhadap Responden, mahkamah merujuk kepada kes *Kusaini Hj Hasbullah dan Lain-lain melawan Ali Suman* [2012] 1 LNS 322, di mana Hakim Nurcahaya Hj Arshad J memutuskan seperti berikut:

“In order for court to quash the said decision and declare it as wrong in law, it is necessary for the court to consider, whether, in coming into the decision, the Respondents has committed an error of law. The test to be applied here is the Wednesbury Reasonable Test. In other words, it is for the court to determine whether the 8th Respondent had acted irrationally, illegally, or there was procedural

impropriety". [Reference was made to the case of *Ranjit Kaur S Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd* [2010] 8 CLJ 629]

Sehubungan dengan itu, mahkamah telah memutuskan bahawa Responden tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang serta tatacara yang digariskan di dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Justeru, relif substantif bagi semakan kehakiman ini telah ditolak secara in limine. Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah memutuskan bahawa Responden berhak untuk mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) bertarikh 11.03.2015 yang mengarahkan Pemohon untuk mengosongkan dan meruntuhkan bangunan tambahan pada rumah Pemohon. Oleh itu, permohonan semakan kehakiman ini telah ditolak dengan kos.

Menggunakan teras yang terdapat dalam prinsip kes di atas, jelas menggambarkan bahawa prosedur merupakan sesuatu yang perlu diberi perhatian yang mendalam terutamanya oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya penguatkuasa. Rajah 10 di bawah menunjukkan Carta Alir Kerja dalam memberikan kompaun kepada pesalah,




Rajah 10


Dalam konteks Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK), golongan yang ingkar terhadap arahan membayar kompaun selalunya dikaitkan dengan kes-kes yang melibatkan kesalahan meletak kenderaan di tempat yang menghalang lalulintas, tidak mempamerkan kupon letak kenderaan serta tidak menggores kupon letak kenderaan yang sah mengikut keperluan tarikh dan waktunya dan tidak mempamerkan kupon tersebut di hadapan kenderaan.

Tindakan mahkamah ke atas pesalah yang menyalahi Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Sungai Petani 2007 selalunya melibatkan kesalahan-kesalahan tidak mempamerkan kupon letak kenderaan. Pesalah-pesalah ini difahamkan melakukan kesalahan yang sama secara berulang kali dan tetap tidak membuat pembayaran kompaun setiap kali kompaun dikeluarkan. Maka, perbuatan mereka telah menatijahkan kepada tindakan mahkamah yang dibuat oleh

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui pembukaan kertas siasatan oleh pegawai penyiasat bagi jabatan-jabatan berkaitan seperti Seksyen Parkir dan Letak Kenderaan, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Bangunan atau Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK). Namun, berdasarkan jumlah kekerapan kesalahan yang disusuli dengan tindakan mahkamah mengikut statistik tahun 2019 hingga 2021 selalunya bertitik tolak daripada kesalahan yang melibatkan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kenderaan Berkupon) Majlis Perbandaran Sungai Petani 2007 seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 14 dan Rajah 15 di bawah;



Rajah 14



Rajah 15

6.0 CABARAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DALAM MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG DENGAN EFISIEN

Menurut (Wan Ahmad Fuad, 2022), cabaran yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) umumnya dapat dilihat melalui usia akta-akta induk seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang telah berusia lebih puluhan tahun. Beberapa seksyen di dalam akta-akta induk terbabit dilihat memerlukan pengubahsuaian melalui pindaan terutamanya bagi peruntukan hukuman kepada pesalah yang menyalahi akta-akta induk tersebut. Selain itu, cabaran yang dapat dilihat begitu jelas dapat dipaparkan melalui Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kenderaan Berkupon) Majlis Perbandaran Sungai Petani 2007 yang masih menggunakan ejen penjual kupon untuk menjual kupon letak kenderaan dan kupon letak kenderaan yang dijual masih bercirikan kupon fizikal yang perlu digores dan dipaparkan di bahagian hadapan kenderaan. Dalam meniti arus pemodenan, perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang agak mencabar khususnya kepada Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) bagi memikirkan jalan penyelesaian terbaik untuk membentuk masyarakat yang patuh akan peruntukan undang-undang melalui pembelian kupon letak kenderaan menggunakan medium yang lebih mesra pengguna seperti aplikasi dalam talian dan sebagainya. Sebagai tamsilan, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah menggunakan aplikasi 'Flexi Parking' bagi menguatkuasakan perintah letak kenderaan berkupon di Kawasan pentadbirannya. Perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang bersifat perlu seiring dengan kegiatan masyarakat setempat yang dilihat begitu sibuk dengan urusan kehidupan seharian sehingga tidak sempat

membeli kupon letak kenderaan melalui ejen-ejen yang disediakan. Sejar dengan arahan pelaksanaan Behavioral Insights dalam polisi kerajaan, maka Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah merangka 'Nudge Factor' melalui penubuhan 'Flexi Parking' bagi memahami tingkah laku masyarakat setempat di kawasan Shah Alam sejurus melahirkan masyarakat madani yang patuh terhadap peruntukan undang-undang.

Dalam konteks penguatkuasaan tempat letak kenderaan bagi Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK), cabaran yang dilihat sinonim oleh Seksyen Parkir dan Letak Kenderaan adalah melalui penguatkuasaan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kenderaan Berkupon) Majlis Perbandaran Sungai Petani 2007 yang dilihat begitu terhad. Sebagai tamsilan, apabila seseorang pesalah melakukan kesalahan yang menyalahi perintah di atas, penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab memberikan kompaun kepada pesalah tersebut telah melakukan sedaya upaya untuk memindahkan maklumat peribadi seperti nama, alamat dan nombor kad pengenalan pesalah terbabit untuk tujuan mengeluarkan Notis Kompaun berwarna kuning berlandaskan prosedur yang dikehendaki oleh Prosedur Penyeragaman Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah. Namun, terdapat cabaran yang agak sukar ditangani iaitu menjejaki alamat sebenar pesalah tersebut bagi menyampaikan Notis Peringatan, Notis Peringatan Terakhir atau Notis Tindakan Mahkamah kerana pesalah tersebut telah berpindah dan alamat penyampaian tidak lagi sama dengan alamat yang tertera pada kad pengenalan pesalah terbabit. Menurut (Shashabilla, 2022), kegagalan menjejaki alamat pesalah bagi menyampaikan Notis Tindakan Mahkamah akan menoktahkan tindakan tersebut atas alasan pesalah tidak dapat dijejaki. Seterusnya, antara cabaran lain yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menguatkuasakan undang-undang termasuklah kesalahan pegawai penyiasat dalam merangka fakta kes dan membuat pertuduhan ke atas pesalah di bawah peruntukan undang-undang yang kurang tepat.

Jelas sekali, cabaran-cabaran yang merintang PBT dalam melaksanakan undang-undang perlu ditangani terlebih dahulu bagi meningkatkan pematuhan pembayaran kompaun bagi kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh masyarakat. Meskipun terdapat limitasi dalam peruntukan undang-undang, ia tidak menjadikan sesebuah undang-undang lemah sebaliknya membuka ruang bagi penambahbaikan peruntukan undang-undang terbabit yang berperanan melengkapkan fungsi undang-undang tersebut agar dapat disesuaikan dengan situasi semasa masyarakat amnya.

7.0 BEHAVIORAL INSIGHTS SEBAGAI WASILAH BAGI MENINGKATKAN PEMATUHAN PEMBAYARAN KOMPAUN DI KAWASAN PENTADBIRAN MPSP

Pelaksanaan kaedah Behavioral Insights dalam polisi kerajaan merupakan sesuatu yang amat penting bagi meningkatkan kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan awam (Mohammad, 2022). Pelaksanaan kaedah Behavioral Insights memerlukan kepada perangkaan 'Nudging Factors' yang bersifat memujuk terhadap masyarakat agar mereka mengubah tingkah laku menjadi masyarakat yang celik undang-undang dan patuh terhadap segala peruntukannya. Oleh itu, menyuntik pelaksanaan Behavioral Insights dalam polisi kerajaan, terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melihatkan perkara ini sebagai sesuatu yang baru, maka beberapa langkah intervensi dilihat amat perlu bagi menguji kesesuaian aktiviti yang membawa kepada pelaksanaan 'Nudging Factor' bagi memudahkan pelaksanaan Behavioral Insights dalam organisasi perkhidmatan awam. Sebagai tamsilan, di Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP), beberapa 'Nudging Factor' telah dijalankan tanpa sedar sebelum berkuatkuasanya arahan pelaksanaan Behavioral Insights dalam organisasi Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) dan telah mendatangkan hasil yang baik. Rajah 17 menunjukkan contoh 'Nudging Factor' yang dijalankan oleh Seksyen Parkir dan Letak Kenderaan, Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) pada tahun 2021;



Rajah 17

Rajah 17 di atas merupakan contoh ‘Nudging Factor’ atau faktor memujuk yang memangkin pelaksanaan Behavioral Insights dalam organisasi perkhidmatan awam. Aktiviti-aktiviti seperti kempen, inisiatif, diskaun dan rebat yang dilaksanakan oleh Seksyen Parkir dan Letak Kenderaan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) ini merupakan contoh terbaik bagi menggambarkan faktor memujuk atau ‘Nudging Factor’ yang mampu mengubah tingkah laku masyarakat setempat berkenaan arahan pematuhan pembayaran kompaun yang melibatkan kesalahan seperti diperuntukkan di bawah Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kenderaan Berkupon) Majlis Perbandaran Sungai Petani 2007. ‘Nudging Factor’ merupakan jalan paling berkesan dalam mengubah tingkah laku manusia dan kaedah ini dapat mencari jalan bagi memahami perkara yang mempengaruhi mereka membuat keputusan (Roberto Sormani, 2017). Rajah 18 di bawah menunjukkan keberkesanan kutipan jumlah pembayaran kompaun hasil daripada kempen yang dilaksanakan;

KUTIPAN KOMPAUN LETAK KERETA SEMASA TEMPOH KEMPEN BAYARAN KOMPAUN BAGI TAHUN 2019 - 2021

BULAN	TAHUN			2020 VS 2019		2021 VS 2020	
	2019	2020	2021	RM	%	RM	%
SEPTEMBER		351,295.00		351,295.00		-351,295.00	-100.00
OKTOBER	167,280.00	107,030.00	123,870.00	-60,250.00	-36.02	16,840.00	15.73
NOVEMBER	197,355.00	101,705.50	59,155.00	-95,649.50	-48.47	-42,550.50	-41.84
DISEMBER	446,170.00		60,545.00	-446,170.00	-100.00	60,545.00	

NOTA: 2019 - TEMPOH KEMPEN OKTOBER HINGGA DISEMBER
 2020 - TEMPOH KEMPEN SEPTEMBER HINGGA NOVEMBER
 2021 - TEMPOH KEMPEN OKTOBER HINGGA DISEMBER

Rajah 18

8.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP AMALAN SEDIA ADA

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap tahun, statistik pematuhan pembayaran kompaun dalam kalangan masyarakat sejagat semakin merudum kerana kurangnya kadar kepatuhan mereka terhadap arahan pembayaran kompaun tersebut. Masalah ini mungkin bertitik tolak daripada medium advokasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dilihat kurang efektif dalam mempromosikan cara-cara pembayaran kompaun, alasan dikompaun, dan akibat tidak menjelaskan kompaun. Tambahan pula, penyediaan fasiliti seperti kotak atau nombor pada kotak letak kenderaan serta papan tanda penguatkuasaa yang telah pudar atau rosak menambahkan lagi kekeliruan masyarakat berkenaan kawasan yang menguatkuasakan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kenderaan Berkupon) Majlis Perbandaran Sungai Petani 2007. Menurut (Mohd Yusof, 2022) kesukaran mencari ejen kupon letak kenderaan atau kekurangan ejen kupon letak kenderaan juga turut menyumbang kepada peningkatan pengeluaran kompaun dan ketidakpatuhan pembayaran kompaun.

Sebagai alternatif, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mengetengahkan gagasan ‘Kerajaan Digital’ dalam urusan yang melibatkan Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kenderaan Berkupon) MPSP 2007 iaitu merangkumi kemudahan membeli kupon letak kenderaan dan menjelaskan pembayaran kompaun secara dalam talian menggunakan aplikasi yang dibangunkan. Selain itu, antara alternatif lain yang dikira bersesuaian termasuklah memaparkan semua jenis medium pembayaran kompaun secara atas talian seperti JomPay, Maybank 2U dan segala medium atas talian yang lain menggunakan akses Kod QR bagi memudahkan masyarakat setempat menjelaskan pembayaran kompaun bagi kesalahan yang dilakukan.

Bagi menambahbaik mutu perkhidmatan dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya di Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK), kerjasama antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) turut dilihat sebagai sesuatu yang penting bagi menggalakkan proses jejak maklumat yang lebih efisien untuk urusan penyampaian notis-notis terhadap pesalah. Oleh kerana prinsip Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mempunyai budi bicara terhadap masyarakat sejagat, penubuhan Unit Runding Cara dalam organisasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut dilihat sebagai elemen pelengkap dalam mendekati Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan masyarakat melalui skop runding cara melibatkan komunikasi dua hala yang mampu

meningkatkan kefahaman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap tingkah laku masyarakat lantas memudahkan pelaksanaan Behavioral Insights dalam sistem Kerajaan Tempatan. Bagi meningkatkan kecekapan pegawai penyiasat dalam menguruskan kertas penyiasatan, bengkel-bengkel yang melibatkan urusan mendraf dan menguruskan kertas penyiasatan dilihat sebagai suatu langkah yang baik bagi meningkatkan kelancaran perkhidmatan dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutamanya dalam perihal pendakwaan.

9.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan Behavioral Insights dalam konteks dunia global merupakan sesuatu yang tidak asing lagi. Negara-negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Belanda merupakan peneraju pelaksanaan Behavioral Insights dalam tempoh masa yang agak lama bagi menjamin perkhidmatan awam yang lebih efisien serta pelaksanaan polisi kerajaan yang lebih mampan. Melalui pelaksanaan Behavioral Insights bagi meningkatkan pematuhan pembayaran kompaun, ia dilihat sebagai suatu kaedah yang akan memanfaatkan jumlah pemegang taruh yang sangat banyak melalui penambahbaikan fasiliti, perkhidmatan, pembangunan dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lebih kukuh dan bersifat mesra masyarakat melalui elemen pemahaman tingkah laku yang terdapat di dalam pelaksanaan Behavioral Insights.

10.0 PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kod : PCT 1/2022

RUJUKAN

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

Perintah Kenderaan-Kenderaan Berat (Sekatan Penggunaan Jalan) Majlis Perbandaran Sungai Petani, 1996

Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Sungai Petani 2007

Hamzah Jusoh & Habibah Ahmad. 2009. Keefisienan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di Wilayah Bandaraya Kuala Lumpur: Perspektif Komuniti. *Malaysian Journal of Society and Space*, 5, p 61-62.

Haryati Ibrahim. 2015. Masalah Pengurusan Kawasan Lapang oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia. *IIUM Journal*, 7, p 181-182.

Wan Arfah Hamzah (2009). *A First Look at The Malaysia Legal System*. Petaling Jaya: Oxford University Press.

[2016] MLJU 1594

[2012] 1 LNS 322

[2010] 8 CLJ 629